



## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

### UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

---

#### POLISI CAPAIAN INTERNET RANGKAIAN UPNMNet

---

#### 1.0 Tujuan Polisi

Polisi ini bertujuan melahirkan pengguna internet yang beretika, dalam usaha mengawal menyalahgunakan sumber ICT.

#### 2.0 Skop Polisi

Polisi merangkumi semua penggunaan internet dan tidak terhad kepada capaian laman web, pemindahan data atau maklumat dan perbincangan melalui *list group* atau *chat room*.

#### 3.0 Polisi Capaian Laman

- i. Laman-laman yang boleh dilayari, dilanggan dan diguna adalah berbentuk akademik dan pengetahuan. Laman yang berbentuk keganasan, lucuh, hasutan dan yang boleh menimbul atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian adalah tidak dibenarkan sama sekali, kecuali mendapat keizinan daripada Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui sokongan Ketua Jabatan bagi tujuan akademik, penyelidikan atau pentadbiran.
  
- ii. Permohonan untuk mencapai laman yang terlarang hendaklah dengan mengisi borang dan menyatakan tujuan capaian dan alamat laman tersebut.

- iii. Capaian laman yang berbentuk hiburan, hobi atau *leisure* tidak dibenarkan di waktu pejabat seperti laman *game online*, *radio online* dan *video streaming* yang membebankan rangkaian UPNM.
- iv. Melayari internet tanpa tujuan atau meninggalkan capaian internet *unattended* adalah amat tidak beretika dan tidak digalakkan kerana ia boleh menyebabkan kesesakan rangkaian UPNM.
- v. Pentadbir rangkaian dengan arahan atau kebenaran Jawatankuasa Keselamatan ICT Universiti berhak menapis, menghalang dan menegah penggunaan mana-mana laman web yang dianggap tidak sesuai.

#### **4.0 Penyalahgunaan Capaian**

- i. Pengguna dilarang mengganggu atau menceroboh laman web mana-mana jabatan, organisasi atau negara.
- ii. Pengguna dilarang memasuk, menyalin, menciplak, mencetak dan menyebarkan maklumat daripada internet yang menyalahi undang-undang negara.